

09 APR 1998

Abu Zahar-Exco

MELAKA TIDAK ROMBAK BARISAN ANGGOTA EXCO

MELAKA, 9 April (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin hari ini berkata barisan anggota Exco kerajaan negeri tidak akan dirombak kerana perubahan belum diperlukan.

"Kita akan mengekalkan status quo yang ada," katanya semasa ditanya pemberita mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Perjumpaan sejeurus selepas selesainya pemilihan Umno peringkat bahagian itu telah mencetuskan desas-desus mengenai rombakan Exco Melaka ekoran kekalahan tiga anggotanya pada pemilihan berkenaan.

Abu Zahar yang ditemui selepas merasmikan sebuah program Rukun Tetangga di sini berkata perjumpaan dengan Dr Mahathir itu adalah perbincangan biasa bagi memaklumkan mengenai perkembangan semasa.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri bagaimanapun berkata perubahan hanya akan dilakukan pada kedudukan anggota-anggota jawatankuasa badan perhubungan itu.

Umno negeri telah melantik tiga ketua bahagian yang baru - Ketua Bahagian Selandar Datuk Hamdin Abdolah, Ketua Bahagian Alor Gajah Datuk Abu Seman Yusof dan Ketua Bahagian Kota Melaka Datuk Amid Nordin sebagai anggota jawatankuasa.

Beberapa jawatan lain seperti bendahari, setiausaha dan ketua penerangan masih belum diputuskan, katanya.

Tiga anggota exco yang tewas pada pemilihan bahagian ialah Datuk Sharif Mohd Drus dalam perebutan jawatan ketua bahagian Selandar, Datuk Nordin Yaani bagi jawatan timbalan ketua bahagian Alor Gajah dan Datuk Yasin Sarif untuk jawatan sama di bahagian Batu Berendam.

Mengenai air, Abu Zahar berkata penurunan paras air di empangan Durian Tunggal masih pada tahap yang selesa dan catuan bekalan air tidak diperlukan.

Perbadanan Air Melaka (PAM) melaporkan bahawa paras air adalah selamat dan langkah-langkah untuk memastikan kadar takungan mencukupi bagi bekalan seluruh negeri telah pun diambil.

Mengulas kempen galakan tanaman sayur yang kurang mendapat sambutan, beliau berkata agensi kerajaan negeri akan mengambil-alih sendiri tanah terbiar yang tidak diusahakan pemilik untuk tanaman sayur dan sebagainya.

Cadangan itu tidak melibatkan pengambilan hakmilik tanah tetapi pemilik diberi pilihan untuk menyewakan atau menyertai usahasama dengan agensi kerajaan, katanya. -- BERNAMA

MOZ RON